

Inspektor rasuah gagal bayar denda

26 Februari 2018

Inspektor rasuah gagal bayar denda

Kuala Terengganu: Seorang pegawai polis berpangkat inspektor dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun dan didenda sebanyak RM125,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah terhadap dua pertuduhan menerima rasuah bernilai RM25,000.

Bagaimanapun, Mohd Izzwan Jamalud Din, 35, yang gagal menjelaskan denda berkenaan terpaksa menjalani hukuman penjara tambahan selama 36 bulan lagi sekali gus menjadikan keseluruhannya kepada 72 bulan atau enam tahun.

Hakim Mohamad Haldar Abd Aziz membuat keputusan itu terhadap Mohd Izzwan yang didapati bersalah mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 kerana menerima rasuah dan Seksyen 16(a)(B) akta sama kerana me-



MOHD Izzwan (tengah) didapati bersalah terhadap dua pertuduhan rasuah bernilai RM25,000.

minta rasuah.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Mohd Izzwan didakwa secara rasuah menerima suapan wang tunai sebanyak RM5,000 daripada Syahrull Sharahudeen sebagai dorongan untuk tidak menang-

kap lelaki itu yang disyaki terbabit kesalahan dadah mengikut Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Mohd Izzwan yang ketika itu bertugas sebagai Pegawai Penyiasat Narkotik di Bahagian Siasatan Jenayah

Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Terengganu didakwa melakukan kesalahan itu jam 6.25 petang pada 20 Ogos 2015 di belakang sebuah restoran makanan segera di Kuala Berang.